

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 22 NOVEMBER 2014 (SABTU)**

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	SIRIM QAS perkenal label baharu elak dipalsukan	Utusan Malaysia
2.	Strategi pembangunan SIRIM 2015	Utusan Malaysia
3.	SIRIM perkenal label baharu	Harian Metro
4.	SIRIM wants to be your insdutr partner	New Straits Times
5.	SIRIM Rebranded	New Straits Times
6.	SIRIM Quality Award 2014	New Straits Times
7.	SIRIM Checks-in with new labels	New Straits Times
8.	The entry of product	New Straits Times
9.	Newest food safety certification	New Straits Times
10.	Eco Design to the fore	New Straits Times
11.	Measure of success	New Straits Times
12.	Bright future for bio energy	New Straits Times
13.	Perfect finish	New Straits Times
14.	Cyberview bantu pacu ekonomi bumiputera	Berita Harian
15.	Bioteknologi tawar 83,000 pekerjaan	Utusan Malaysia
16.	BIOGAS sawit	Berita Harian
17.	Ribut petir di perairan Perlis, Kedah, Johor barat berterusan sehingga malam ini	BERNAMA
18.	Gempa bumi kuat berlaku di Utara Laut Maluku	BERNAMA

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) : MUKA SURAT 3
TARIKH : 22 NOVEMBER 2014 (SABTU)



ABU BAKAR MOHAMAD DIAH (dua dari kiri) menyampaikan sijil penghargaan Skim Pensijilan Jejak Karbon kepada wakil CSL Technologies (M) Sdn. Bhd. semasa Majlis SIRIM - Industri 2014 di Petaling Jaya, semalam. Turut kelihatan, Jamaliah Kamis (kanan) dan Zainal Abidin Mohd Yusof (kiri). - UTUSAN/RIDUAN RIZAL AHMAD

SIRIM QAS perkenal label baharu elak dipalsukan

PETALING JAYA 21 Nov. - Anak syarikat SIRIM Berhad, SIRIM QAS International Sdn. Bhd. (SIRIM QAS International) akan menggantikan label lama untuk barangan terkawal bagi menangani isu label palsu mulai 1 Januari 2015.

Pengerusi SIRIM Berhad, Datuk Jamaliah Kamis berkata, label baharu tersebut akan dilengkapi dengan ciri-ciri keselamatan tambahan yang dapat membantu meningkatkan keyakinan pelanggan bahawa produk terkawal adalah selamat.

Katanya, bagaimanapun label baharu itu tidak meliputi barangan telekomunikasi dan multimedia seperti telefon bimbit serta komputer.

"Pengenalan label ini adalah selaras dengan usaha memastikan barangan pengguna seperti produk elektrik, topi dan tali pinggang keledar serta peralatan perlindungan kebakaran yang dikawal oleh Suruhanjaya Tenaga, Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) serta Jabatan Bomba dan Penyelamat.

"Menariknya, label baharu itu yang dilengkapi dengan ciri-ciri keselamatan menggunakan dakwat



Pengenalan label ini adalah selaras dengan usaha memastikan barangan pengguna seperti produk elektrik, topi dan tali pinggang keledar serta peralatan perlindungan kebakaran yang dikawal oleh Suruhanjaya Tenaga, Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) serta Jabatan Bomba dan Penyelamat."

JAMALIAH KAMIS
Pengerusi SIRIM Berhad

termokromik dan reka bentuk yang baharu," katanya berucap dalam majlis SIRIM-Industri 2014 di sini malam ini.

Majlis yang disempurnakan

oleh Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr. Abu Bakar Mohamad Diah itu turut dihadiri Ketua Eksekutif SIRIM Berhad, Datuk Dr. Zainal Abidin Mohd. Yusof dan Pengarah Urusan SIRIM QAS International, Khaliidah Mustafa.

Pada majlis tersebut, Abu Bakar turut menyampaikan sijil penghargaan kepada lapan syarikat daripada sektor pembinaan dan bahan binaan yang telah berdaftar di bawah program perintis Skim Pensijilan Jejak Karbon.

Mengulas lanjut, Jamaliah berkata, pihaknya juga sedang melakukan semakan semula terhadap dua skim pensijilan sistem pengurusan iaitu ISO 9001 dan ISO 14001.

Katanya, pensijilan tersebut merupakan dua sistem pengurusan yang paling popular antara semua skim pensijilan sistem pengurusan yang ditawarkan SIRIM.

Tambah beliau, SIRIM menjangkakan kedua-dua pensijilan berkenaan diterbitkan semula pada akhir tahun depan, justeru organisasi yang telah mendapat pensijilan itu perlu peka dengan perubahan tersebut.

Strategi pembangunan SIRIM 2015

Oleh YULPISMAN ASLI
ekonomi@utusan.com.my

■ SHAH ALAM 21 NOV.

PELAN Transformasi lima tahun SIRIM Berhad (SIRIM) masuk tahun ketiga pelaksanaannya tahun hadapan. Selepas pelan tersebut dilancarkan pada 2013, kedudukan agensi di bawah Kementerian Sains Teknologi dan Inovasi (MOSTI) itu kini makin kukuh dengan hala tuju yang juga semakin fokus.

Pelan transformasi SIRIM itu dilihat selaras dengan hasrat kerajaan di dalam Bajet 2015 yang mengumumkan bahawa agensi tersebut akan dinamakan semula bagi membolehkan pelaksanaan pemenuhan teknologi, peningkatan program dan pengauditan teknologi khas kepada sektor perusahaan kecil dan sederhana (PKS).

Pada tahun ini menyaksikan SIRIM telah memperkenalkan beberapa produk dan perkhidmatan untuk dikomersialkan. Antaranya, BioNG iaitu gas asli semula jadi daripada POME iaitu bahan buangan kilang kelapa sawit dan Innocraft, sebuah pusat teknologi kraf di Melaka.

Teknologi lain yang dibangunkan oleh SIRIM untuk dikomersialkan ialah TCGS iaitu mesin pemotong dan pengisar bagi pemotongan peris; Solaraator, sistem pengudaraan kolam menggunakan kuasa solar dan teknologi bio-komposit menggunakan bahan serat semula jadi seperti sekam padi untuk menghasilkan perabot dan floor deck.

Mengulas lanjut pelan pembangunan agensi itu pada 2015, Presiden dan Ketua Eksekutif SIRIM, Datuk Dr. Zainal Abidin Mohd. Yusof berkata, SIRIM telah menggariskan tiga strategi utama dengan fokus kepada inovasi, perkembangan perniagaan dan produktiviti.

Beliau berkata, dalam bidang inovasi, SIRIM akan memperkenalkan SIRIM Innovation Model, di mana kerajaan, industri dan rakan strategik SIRIM akan bekerjasama untuk menyediakan perkhidmatan inovasi melalui pembangunan penyelidikan (R&D), penghasilan produk dan akses pasaran kepada syarikat-syarikat bersaiz mikro, PKS



ZAINAL ABIDIN MOHD. YUSOF

Di bawah model tersebut, industri akan dipupuk supaya terus berinovasi dan berkembang, sekali gus meningkatkan tahap produktiviti serta pendapatan mereka."

**ZAINAL ABIDIN MOHD. YUSOF
Presiden dan Ketua Eksekutif SIRIM**

dan syarikat multinasional (MNC).

"Di bawah model tersebut, industri akan dipupuk supaya terus berinovasi dan berkembang, sekali gus meningkatkan tahap produktiviti serta pendapatan mereka," katanya dalam satu temubual di pejabatnya di sini baru-baru ini.

Zainal Abidin berkata, SIRIM juga akan terus memberi tumpuan kepada tiga bidang utama sedia ada iaitu tenaga dan alam sekitar, teknologi perubatan serta loji dan mesin melalui penghasilan teknologi dan produk baharu.

Mengenai perkembangan perniagaan pula, beliau berkata, SIRIM pada masa ini mempunyai empat anak syarikat SIRIM iaitu SIRIM QAS International, SIRIM Training Services, SIRIM Standards Technology

dan National Precision Tooling.

Selain itu jelas beliau, SIRIM juga akan menubuhkan anak syarikat baharu iaitu SIRIM Measurement Technology yang merupakan usahasama antara SIRIM dengan Dreamcatcher Consulting.

"Syarikat ini akan menyediakan perkhidmatan penyelesaian teknologi kepada pelanggan seperti analisis kimia, peralatan pengujian sains hayat dan telekomunikasi, penentuan, pengukuran dan pembaikan bagi frekuensi radio," jelasnya.

Tambah Zainal Abidin, bagi 2015, SIRIM juga akan memberi fokus kepada pengkomersialan teknologi yang dihasilkan seperti pembuatan tangki gas asli mampat (CNG), Slow Release Fertilizer, Silinder Komposit Gas Petroleum Cecair (LPG) dan Osteopaste iaitu bahan tulang gantian berbentuk pes.

Mengulas fokus produktiviti pula, Zainal Abidin berkata, perancangan sedang dibuat bagi menjadikan SIRIM sebuah syarikat pemegang (Holding Company), yang akan mempunyai unit-unit perniagaan yang lebih bebas dan berautonomi, mengoptimalkan perancangan cukai dan pengasingan risiko, lebih cekap melalui perkhidmatan yang dikongsi seperti kewangan, sumber manusia dan teknologi maklumat (IT).



SIRIM bekerjasama dengan kerajaan dan industri dalam menyediakan perkhidmatan inovasi melalui pembangunan penyelidikan.

SIRIM kenal pasti 23 teknologi untuk dikomersialkan

SHAH ALAM 21 Nov. - SIRIM Berhad (SIRIM) telah mengenal pasti 23 teknologi untuk dikomersialkan dalam tempoh tiga tahun bermula tahun ini.

Kesemua teknologi itu dibahagikan kepada tiga bidang yang khusus bersesuaian dengan keperluan pasaran iaitu tenaga dan alam sekitar, teknologi perubatan serta loji dan mesin.

Menurut Presiden dan Ketua Eksekutif SIRIM, Datuk Dr. Zainal Abidin Mohd. Yusof, SIRIM telah membangunkan satu pelan atau

roadmap bagi perancangan program pengkomersialannya, selaras dengan Tahun Pengkomersialan Kementerian Sains Teknologi dan Inovasi (MOSTI), di samping memantau pengkomersialan teknologi agar berjalan lancar dan proses pemindahan kepada industri pula dapat dilaksanakan dengan lebih terperinci.

Beliau berkata, pelan tersebut juga akan turut memudahkannya pihak industri untuk membuat perancangan dan mengetahui bila teknologi berkaitan telah sedia untuk dikomersialkan.

Katanya, SIRIM telah membantu hampir semua industri dalam aspek teknologi dengan fokus sektor perusahaan kecil dan sederhana (PKS) kerana kebanyakan syarikat terbabit tidak mempunyai kepakaran dalam membangunkan teknologi masing-masing. "Antara produk inovasi yang berada di dalam roadmap ini adalah bateri LIPOs berasaskan teknologi lithium ion phosphate, projek Loji Pemproses Biogas dan tangki komposit CNG, Craniofacial dan Implan Titanium, Sistem Kitaran Air Solaraator dan Produk Hijau Bio Komposit," katanya dalam satu temubual di pejabatnya di sini, baru-baru ini.

Mengulas lanjut, Zainal Abidin berkata, model pengkomersialan SIRIM sebelum ini lebih kepada

FRACTURE fixation plate antara teknologi perubatan dibangunkan oleh SIRIM.

pelesenan teknologi kepada industri dan sebaik sahaja teknologi dipindahkan kepada syarikat tempatan pembangunan teknologi dari SIRIM bagi produk tersebut akan terhenti setakat ini sahaja.

Bagaimanapun jelas beliau, melalui pelan pengkomersialan SIRIM yang baharu ini, syarikat tempatan digalakkan untuk terlibat dalam kaedah usahasama.

"Kaedah ini pertama sekali membolehkan teknologi yang dibangunkan boleh terus dikembangkan mengikut keperluan dan kesesuaian semasa dan kedua, membolehkan syarikat tempatan lebih serius dalam penguasaan teknologi ini kerana mereka mempunyai penglibatan secara langsung yang seterusnya memberi manfaat jangka panjang kepada mereka," katanya.

Beberapa teknologi SIRIM yang telahpun berjaya di pasaran adalah GranuMAS yang dilesenkan kepada Granulab yang mempunyai kilang pengeluaran di Kota Kemuning, Shah Alam; XanzWhite dilesenkan kepada Sireh Mas Marketing Sdn. Bhd. di mana SIRIM telah membantu syarikat ini membangunkan kilang bertaraf GMP melalui latihan dan khidmat perundingan yang dikehendaki oleh SIRIM.



GRANUMAS antara teknologi SIRIM yang dipasarkan syarikat tempatan.

KERATAN AKHBAR
HARIAN METRO (SETEMPAT) : MUKA SURAT 50
TARIKH : 22 NOVEMBER 2014 (SABTU)

SIRIM perkenal label baru

Petaling Jaya: Berkuat kuasa Januari depan, anak syarikat SIRIM Berhad, SIRIM QAS International Sdn Bhd akan memperkenalkan reka bentuk label baru bagi Skim Pensijilan Barangan bercirikan keselamatan tambahan bagi menangani isu label palsu yang terdapat di pasaran.

Pengerusi SIRIM Berhad, Datuk Jamaliah Kamis berkata pengenalan label itu adalah selaras dengan usaha memastikan tahap keselamatan barangan seperti elektrik, topi keledar, tali pinggang keledar dan peralatan perlindungan kebakaran menggunakan hanya label sah dari SIRIM sebelum dikeluarkan kepada pengguna.

"Label baru itu dilengkapi ciri-ciri keselamatan yang dipertingkatkan antaranya penggunaan dakwat termokromik dan reka bentuk baru adalah terpakai untuk semua

barangan terkawal bagi membantu meningkatkan keyakinan pengguna bahawa produk terkawal produk yang mempunyai label SIRIM adalah selamat untuk digunakan.

"Ia juga bagi memastikan semua barangan yang dikawal Suruhanjaya Tenaga, Jabatan Pengangkutan Jalan serta Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia melalui pengujian dan menggunakan hanya label sah dari SIRIM.

"Bagaimanapun, bagi alat telekomunikasi dan multimedia akan kekal menggunakan label sedia ada," katanya pada Majlis SIRIM Industri 2014 di sini, malam tadi.

Turut hadir, Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) Datuk Dr Abu Bakar Mohamad Diah serta Presiden dan Ketua Eksekutif SIRIM Berhad Datuk Dr Zainal Abidin Mohd Yusof.

KERATAN AKHBAR
NEW STRAITS TIMES (SPECIAL)
TARIKH : 22 NOVEMBER 2014 (SABTU)



SIRIM WANTS TO BE YOUR INDUSTRY PARTNER

ZAIDI ISHAM ISMAIL
xydeep@mediaprima.com.my

SIRIM Berhad, the country's premier industrial research and development organisation, wants to enhance its role to become an industry partner.

Its president and chief executive officer, Dato' Dr Zainal Abidin Mohd Yusof, says the partnership is especially vital for small and medium enterprises (SMEs) which are lacking in research and development capabilities.

"Big multinational corporations (MNCs) and government-linked companies (GLCs) have their own research and development (R&D) units.

"But the same cannot be said of SMEs which have to rely on external R&D organisations such as SIRIM. We want to fill this void. We want to be your industry partner," says Zainal.

SIRIM, an agency under the Ministry of Science, Technology and Innovation, known for its quality and standards services, also carries out industrial research.

"Industry players are aware of our reputation in quality testing and standards certification. But not many know about our industrial research division and industrial process services which can help them enhance



We have a strong set-up in research and development, technology, innovation, design and engineering, standards and quality and technology transfer."

Dato' Dr Zainal Abidin Mohd Yusof
President and Chief Executive

their services through research and development.

"We have a strong set-up in research and development, technology, innovation, design and engineering, standards and quality and technology transfer. And we want businesses to know that there is a lot more that we

can offer. We want to be the industry's partner."

Zainal says the fact that 98 per cent of industries in Malaysia are SMEs reflects how important it is for it to cooperate and work together with SIRIM, with the former leveraging and harnessing the agency's strengths and capabilities.

"What we want to do is to provide the edge in research and development to all SMEs in Malaysia, including micro enterprises and especially Bumiputera entrepreneurs and start-up companies.

"We can help via several programmes. We also want to focus on the bigger SMEs which have their own

factories and automation where it can introduce a lot more of automation and mechanisation and reduce dependency on foreign workers."

SIRIM's focus now is centred on three sectors: green energy and environment, plant and machinery, and medical technology.

For green energy and environment, Zainal says the goal is to assist companies to develop high technology green products such as industry concepts and innovation in the palm oil sector where biogas produced from palm oil effluent is converted into methane.

"We already have a project with Sime Darby which is similar to the natural gas vehicle (NGV) project. One day, taxis will be lining up to fill up their gas tanks at palm oil plantations."

In the biodiesel industry, SIRIM for example can provide the technology to firms to supply power and renewable technology.

With automation and mechanisation, he says industries can reduce their dependency on foreign workers, now mostly sourced from Vietnam, Myanmar, Indonesia and Bangladesh.

With more automation, productivity will inevitably increase.

"For example, by adopting

→ See page 3

SIRIM REBRANDED

SIRIM Berhad is rebranding itself.

And one of the key planks of the invigoration exercise, says its president and chief executive officer Dato' Dr Zainal Abidin Mohd Yusof, is providing local small and medium enterprises (SMEs) the much needed help in research and industrial process.

The rebranding for SIRIM is even included in Budget 2015, with Prime Minister Datuk Seri Najib Razak stressing how vital it was for the agency to not only be innovative but also improve its services for SMEs.

"A rebranded SIRIM will provide services to SMEs to improve the commercialisation of their technology findings.

"The government has asked SIRIM to reposition itself for SMEs, and among the initiatives taken by us is to readjust our industrial innovation model," says Zainal.

SIRIM is ever willing to help industries beef up their technological prowess and the good news is that it has the capabilities to undertake the task.

"Together with the government, we will expand our subsidiaries, beef up SIRIM Training and also reinvigorate Sirim QAS International. The rebranding will also strengthen our financial capability and sustainability.

"We want to be a partner to

industries and provide them with the technologies. They already know us because of the mandatory testing that they have to do, otherwise their products, without the SIRIM certification, will not make it into the market."

Zainal Abidin says SIRIM encourages industry players to voluntarily carry out improvement to their technology processes.

Under the rebranding exercise, SIRIM industrial research programme will be renamed and will offer industrial research services. It will be a separate entity and a new subsidiary of SIRIM Bhd.

The set up includes SIRIM QAS which is responsible for certification, testing and inspection; SIRIM Training (training); SIRIM Standard Technology (calibration services); SIRIM Measurement (calibration and measurement services); and SIRIM Industrial Research (research and development for SMEs).

Zainal says it is joining forces with Malaysia Debt Ventures, where companies can get RM300 million soft loans to improve on their technology which can result in higher productivity.

He points out that SMEs must not shy away from collaborating with SIRIM.

At the moment, the number of companies voluntarily seeking the agency's help in carrying out R&D activities is still low.

"We want the 100,000 companies, together with SME Corp, to come forward. We want to be a technology provider, build entrepreneurship and also enhance their technology uptake," he says.

To help push the country's innovation drive, Zainal says SIRIM has introduced a business opportunity programme for its more than 1,000 researchers and scientists.

The agency is allowing its scientists to form their own companies while still under its employment and work on innovations.

"It is a spin off concept, a model practiced in Taiwan and Italy. We believe that when there is a commitment, the staff will be more inspired to work on their ideas. Later, they can start their own business and pay royalty."

In essence, the scientists can make use of SIRIM facilities for their entrepreneurship ventures, besides being provided with ample opportunities to commercialise them later.

They can either stay with SIRIM or leave to run their own companies but the technology belongs to SIRIM.



